

8 JAN 1996

Cuepacs - Pertandingan

PERTANDINGAN JAWATAN CUEPACS ESOK DIJANGKA SENGIT

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Konvensyen Cuepacs ke-20 esok dijangka menyaksikan pertandingan sengit bagi semua jawatan penting dalam barisan kepimpinan kesatuan itu, dengan kedua-dua pihak yang bertanding mendakwa mendapat sokongan daripada sebahagian besar perwakilan.

Presiden Cuepacs, Mohamed Mat Jid yang akan dicabar oleh timbalannya Haji Mustaffa Hassan masing-masing memberitahu persidangan berita yang diadakan secara berasingan hari ini bahawa mereka mendapat sokongan daripada majoriti perwakilan.

Bagaimanapun, kedua-dua pemimpin itu melahirkan keyakinan bahawa pertandingan itu tidak akan membawa perpecahan kepada kesatuan gabungan itu dan menyifatkannya sebagai pertandingan dalam sebuah keluarga.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan konvensyen itu dan turut dijangka membuat pengumuman mengenai pembayaran tunggakan serta pelarasan gaji bagi 840,000 kakitangan awam.

Haji Mustaffa berkata beliau menawarkan diri untuk bertanding atas permintaan para anggota yang mahukan dimensi baru dalam kepimpinan Cuepacs yang boleh membawa perubahan dalam pergerakan buruh di negara ini khususnya sektor awam.

Beliau berkata Cuepacs memerlukan kepimpinan baru yang mempunyai kekuatan dan kewibawaan untuk membawa kaum pekerja di negara ini memasuki abad ke-21 dalam menuju status negara maju berlandaskan Wawasan 2020.

"Saya yakin akan diberi mandat menerajui Cuepacs kerana kebanyakan anggota gabungan dalam kesatuan telah menyatakan bahawa mereka mahukan pentadbiran baru dalam kesatuan agar nasib anggota gabungan tidak terabai," katanya.

Dalam hal itu, katanya kepimpinan Cuepacs harus mempunyai iltizam dan semangat tinggi serta kebijaksanaan dalam mengharungi cabaran yang akan datang agar kepimpinan pergerakan buruh itu sentiasa relevan dengan keadaan semasa.

"Saya bertekad untuk mewujudkan kestabilan perusahaan dalam negara ini dan menerusi kestabilan itu, pergerakan buruh boleh sama-sama berganding bahu dengan kerajaan memajukan negara dan juga membantu meningkatkan ekonomi kaum pekerja," katanya.

Sehubungan itu, Mustaffa serta calon-calon lain yang terdiri daripada Mohd Yusof Haji Harman Shah dan Kassim Shaikh Mohd (bagi jawatan Timbalan Presiden), Mohd Jamil Ismail (bagi jawatan Setiausaha Agung) serta Ahmad Ghani dan Abdul Rahman Manan (bagi jawatan Timbalan Setiausaha Agung) mengeluarkan manifesto yang mengandungi lima perkara.

Antara yang terkandung dalam manifesto itu termasuk meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran Cuepacs, menjadikan Cuepacs sebagai sebuah pusat pergerakan kesatuan sekerja sektor awam yang disegani dan dihormati dan menjadikan Cuepacs sebagai pusat maklumat kesatuan sekerja sektor awam.

Sementara itu, Mohamed yakin akan mendapat sokongan padu daripada majoriti perwakilan berdasarkan kepada keberkesanan kepimpinan yang ditunjukkannya sepanjang tiga tahun lepas yang mengutamakan perpaduan dan disiplin di kalangan anggota gabungan.

Dalam persidangan berita bersama calon Setiausaha Agung Cuepacs Siva Subramaniam, berkata daripada pertemuan yang diadakan dengan anggota Cuepacs di seluruh negara, sebahagian besar anggota kesatuan itu masih memerlukan kepimpinannya.

Mengenai manifesto, Mohamed berkata pihaknya tidak memerlukan manifesto kerana katanya" apa yang penting ialah keupayaan kita untuk berkhidmat kepada anggota dan jika ada manifesto pun tidak semestinya dapat dilaksanakan."

Siva Subramaniam pula menafikan dakwaan kononnya kepimpinan Cuepacs sekarang dan kerajaan tidak mempunyai hubungan yang baik menyebabkan kelewatan dalam pembayaran tunggakan serta penyelarasan gaji kepada 840,000 kakitangan awam.

Beliau berkata sebaliknya kepimpinan Cuepacs telah berjaya menyelesaikan isu itu menerusi rundingan dengan kerajaan dan masih menunggu keputusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Mohamad juga mengumumkan sokongan beliau kepada Mohd Yusof Haji Harman Shah dan Abdul Aziz Mohd Sultan sebagai Timbalan Presiden.

Konvensyen itu dijangka dihadiri oleh 900 perwakilan daripada 97 kesatuan dalam gabungan Cuepacs. -- Bernama